

Nama: _____

SOALAN 2: MENANDAKAN BETUL DAN SALAH

Tandakan dengan **(B)** bagi ayat-ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat-ayat yang **SALAH**.

1. Ibu bapa boleh dipaksa membeli barang yang mahal. ()
2. Perbuatan menyinggung perasaan dan hati jiran adalah dituntut dalam Islam. ()
3. Kita hendaklah sentiasa mengelakkan diri dari sifat dengki atau iri hati. ()
4. Membiarkan sahaja rakan-rakan kamu membersihkan bilik darjah. ()
5. Kita mestilah mendengar arahan ketua kelas kita. ()
6. Kesan orang yang tidak sabar menyebabkan selalu stress. ()
7. Jiran adalah orang yang dekat dengan rumah kita. ()
8. Melakukan kerja membersihkan kelas tidak perlu ikhlas. ()
9. Teguran dan nasihat anak-anak kita yang bermain di rumah jiran. ()
10. Orang yang tidak pemaaf mengakibatkan sifat pendendam ()
11. Tidak perlu hadir kemajlis-majlis yang diadakan oleh jiran kita. ()
12. Membawa bekal makanan ke sekolah dapat menjimatkan wang saku. ()
13. Longkang yang tersumbat tidak perlu dibersihkan. ()
14. Sifat kedekut memberi sedekah kepada jiran merupakan contoh yang baik. ()
15. Menghadirkan diri jika ada jiran mendapat musibah. ()
16. Merosakkan paip air jiran kita adalah sifat mulia. ()
17. Rakan sejati adalah kawan yang sanggup memberi nasihat ke arah kebaikan. ()
18. Sombong adalah sifat yang perlu diamalkan oleh setiap orang. ()
19. Membantu jiran membersihkan kawasan rumah. ()
20. Bertenang sebelum melakukan tindakan. ()

(_____ / 20 markah)

SOALAN 3: MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

menyinggung	camah	kehidupan	melawat	prihatin
-------------	-------	-----------	---------	----------

ADAP HIDUP BERJIRAN

Terdapat beberapa adap yang perlu diamalkan dalam _____ berjiran. Kita janganlah sekali-kali menyakiti mereka sama ada melalui percakapan mahupun tingkah laku yang boleh _____ perasaan. Kita bertanggungjawab untuk menjaga hubungan yang baik sesama tetangga. Ini boleh dicapai dalam pelbagai cara seperti ringan mulut, saling bertegur sapa, tidak _____ mata, berbaik sangka dan saling hormat-menghormati.

Murid-murid sekalian, di samping itu sifat pemedulian, _____ terhadap kesusahan yang dialami oleh jiran juga perlu diberi perhatian. Sekiranya jiran ditimpa musibah seperti kemalangan, sakit dan kematian, kita janganlah berlengah-lengah untuk _____ dan memberi bantuan yang termampu.

(_____ /10 markah)

SOALAN 4: MEMILIH DAN MENYENARAikan NILAI-NILAI

Lihat ayat-ayat di bawah. Senaraikan ciri-ciri **kelakuan yang baik** dan **kelakuan tidak baik** berdasarkan maklumat yang disediakan.

Lihat ayat-ayat di bawah. Senaraikan ciri-ciri **kelakuan yang baik** dan **kelakuan tidak baik** berdasarkan maklumat yang disediakan.

- | | |
|--|--|
| ✓ Membantu jiran yang dalam kesusahan | ✓ Membuat tindakan melampau tanpa memikirkankeburukannya. |
| ✓ Tidak ambil peduli rumah jiran dimasuki pencuri. | ✓ Membunyikan radio yang kuat. |
| ✓ Bersikap peramah dan bertegur sapa | ✓ Menghadirkan diri dalam majlis yang diadakan oleh jiran. |
| ✓ Sikap saling hormati-menghormati jiran | ✓ Tidak bertolak ansur dengan kawan membersihkan kelas. |
| ✓ Membiarkan binatang berkeliaran masuk kawasan jiran. | ✓ Bersama-sama membersihkan kawasan rumah. |

KELAKUAN YANG BAIK		KELAKUAN YANG TIDAK BAIK	
1.		1.	
2.		2.	
3.		3.	
4.		4.	
5.		5.	

(_____/10 markah)

SOALAN 5: PADANKAN AYAT

Padankan **NILAI-NILAI MURNI** pada **BAHAGIAN A** dengan maksud yang sesuai di **BAHAGIAN B**. Tuliskan **HURUF** di ruang jawapan yang disediakan.

BAHAGIAN A (nilai-nilai murni)		BAHAGIAN B (maksud)	
1. Interaksi		A	Teliti
2. Ringan Mulut		B	Cara berhubung antara dua pihak
3. Prihatin		C	Peramah
4. Awar galat		D	Pertemuan untuk mencapai persetujuan
5. Bersepakat		E	Dengan rasa ikhlas
6. Seangkat-angkat hati		F	Memberi perhatian
7. Permuafakatan		G	Gangguan mental dan emosi
8. Lutanan		H	Kain yang terhulur panjang
9. Kain rentang		I	Hubungan persaudaraan, kekeluargaan dan persahabatan.
10. Stres		J	Segan silu

(_____ /10 markah)

JUMLAH MARKAH BAHAGIAN B	
SOALAN 1	
SOALAN 2	
SOALAN 3	
SOALAN 4	
SOALAN 5	
MARKAH DIPEROLEH	

SELESAI